

PEKELILING KEWANGAN BIL. 17/2016

Ketua

Jabatan/ Pusat/ Bahagian/ Unit

Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM), Pusat Perubatan UKM

YBhg. Prof. Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

PERUBAHAN POLISI DAN KADAR CAJ PERKHIDMATAN RAWATAN BAGI PESAKIT UNHCR HOSPITAL CANSELOR TUANKU MUHRIZ, PUSAT PERUBATAN UKM

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan memaklumkan mengenai pelaksanaan bagi Polisi Dan Kadar Caj Perkhidmatan Rawatan Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Pusat Perubatan UKM yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan (JKTK) Bil. 3/2016 bertarikh 8 September 2016.

2.0 LATAR BELAKANG

Sukacita dimaklumkan bahawa, Mesyuarat Jawatankuasa Polisi Bil 5/2016 bertarikh 28 Jun 2016 dan Mesyuarat Pengurusan Pusat Perubatan UKM Bil.30/2016 bertarikh 6 September 2016 telah bersetuju memperakukan dan meluluskan polisi hospital bagi pesakit UNHCR iaitu Caj Rawatan Perubatan Bagi Pelarian Yang Berdaftar Secara Sah Dengan Pesuruhjaya Tinggi Bangsa-Bangsa Bersatu Bagi Hal Ehwal Pelarian (United Nations High Commissioner For Refugees-UNHCR).

3.0 PERINCIAN TATACARA DAN PELAKSANAAN

- 3.1 Perubahan polisi pengenaan kadar caj pesakit UNHCR kepada kadar caj pesakit Bukan Warganegara. Semua pesakit UNHCR adalah berstatus **Pesakit Bukan Warganegara** dan caj rawatan yang dikenakan adalah mengikut Caj Rawatan Pesakit Bukan Warganegara.
- 3.2 Setiap kadar caj perkhidmatan rawatan adalah tertakluk kepada Polisi Pengenaan Caj PPUKM sama ada kategori pesakit dalam atau luar dan pengenaan cukai GST 6%.



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 3692

JABATAN KEWANGAN

Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Pusat Perubatan UKM, Tingkat 1,

Kompleks Pendidikan Tuanku Canselor Tuanku Ja'afar, Jalan Yaacob Latif, Bandar TunRazak, 56000 Cheras, Kuala Lumpur

Telefon: +603 – 91455232/5233/5244/5248/5234 Faksimili: +603 – 9173 8606 E-mel: hasiljkew@ppukm.ukm.edu.my

<http://www.ppukm.ukm.my>

4.0 TARIKH KUATKUASA DAN PENGGUNAAN PEKELILING

Pekeliling ini berkuatkuasa 1 November 2016

'Akauntabiliti Pegangan Kita'

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



NORINI BINTI MOHAMAD

Ketua
Jabatan Kewangan
Hospital Canselor Tuanku Mukhriz
Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia

- s.k - Dekan Fakulti Perubatan dan Pengarah, Hospital Canselor Tuanku Mukhriz, PPUKM
- Timbalan-Timbalan Dekan, Hospital Canselor Tuanku Mukhriz, PPUKM.
 - Ketua Pegawai Operasi, Hospital Canselor Tuanku Mukhriz, PPUKM.
 - Edaran



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 3692

JABATAN KEWANGAN

Hospital Canselor Tuanku Mukhriz, Pusat Perubatan UKM, Tingkat 1,
Kompleks Pendidikan Tuanku Canselor Tuanku Ja'afar, Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak, 56000 Cheras, Kuala Lumpur
Telefon: +603 – 91455232/5233/5244/5248/5234 Faksimili: +603 – 9173 8606 E-mel: hasiljkew@ppukm.ukm.edu.my
<http://www.ppukm.ukm.my>

UKM